

KENYATAAN MEDIA

24 OKTOBER 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Suruhanjaya Tenaga Baik Pulih Sistem Pendawaian Dua Institusi Di Ipoh

Ipoh, 24 Oktober – Sebagai salah satu usaha dalam meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menjalankan program pemeriksaan dan pembaikan sistem pendawaian elektrik di dua institusi berasingan di sekitar Ipoh.

Program yang dinamakan sebagai *Touchpoint* ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial Korporat (CSR) ST, dan telah dilaksanakan di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ADDIN 10, Kg Dato Ahmad Said, Ipoh dan Rumah Anak Yatim Budi Mulia Nurul Huda, Kampung Tersusun Tanah Hitam, Ipoh.

Selain daripada pembaikan sistem pendawaian elektrik, kerja-kerja lain yang dijalankan termasuklah penggantian kipas, lampu, soket alir keluar, suis yang rosak serta pembaikan papan agihan. Kerja-kerja pembaikan dan pemasangan ini telah dimulakan sejak Ogos tahun ini, dan dilaksanakan dengan bantuan Persatuan Kontraktor Elektrik Melayu Perak (PKEMP).

Pengarah Kawasan Pejabat Kawasan ST Negeri Perak, Nik Mohd Bakhry bin Abu Bakar berkata, program *Touchpoint* sebegini adalah penting dalam memastikan sistem pendawaian di pusat-pusat seperti ini adalah selamat, dan dipasang mengikuti standard pendawaian yang telah ditetapkan oleh ST.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Beliau berkata negeri Perak merupakan antara negeri yang mencatat kes kemalangan elektrik yang tinggi, iaitu 105 kes bagi tempoh 2002 hingga tahun ini.

“Untuk tahun ini sahaja, sebanyak lapan kes kemalangan elektrik telah dilaporkan di sekitar negeri Perak. Justeru kami berharap program seperti ini dapat meningkatkan kesedaran orang ramai untuk lebih berhati-hati dan mengutamakan keselamatan berkaitan penggunaan elektrik,” katanya.

Sehingga kini, sejumlah enam program *Touchpoint* telah dilaksanakan oleh ST di beberapa negeri lain, sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai keselamatan elektrik dan penggunaan elektrik secara cekap.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Harith Safruddin/Zairulliati Mali

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8661/03 8870 8598/018-3822545(Harith)/013 2183778 (Zairulliati)

Emel: harith@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.